



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**PERKAITAN ANTARA CIRI PERSONALITI DAN PERLAKUAN
DI TEMPAT KERJA DI KALANGAN GURU : SATU KAJIAN
KES SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI SUNGAI
PETANI**

Suryati Binti Mohd Yatim

Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Pembangunan Sumber Manusia)
2005

HD
58.7
S961
2005

**PERKAITAN ANTARA CIRI PERSONALITI DAN PERLAKUAN DI TEMPAT KERJA
DI KALANGAN GURU : SATU KAJIAN KES SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI SUNGAI PETANI.**

SURYATI BINTI MOHD YATIM

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Sains
dengan Kepujian Pembangunan Sumber Manusia

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2005

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PERKAITAN ANTARA CIRI PERSONALITI DAN PERLAKUAN DI TEMPAT KERJA DI KALANGAN GURU : SATU KAJIAN KES SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT FATHER BARRE DI SUNGAI PETANI.

SESI PENGAJIAN : 3

Saya SURYATI MOHD YATIM

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

961, LORONG PERUDA 2/4A, TAMAN PERUDA UTAMA, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh : 27/4/05

Tarikh: _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk Perkaitan Antara Ciri Personalitidan perlakuan di tempat kerja di kalangan guru Sekolah Menengah Convent Father Barre telah disediakan oleh Suryati Mohd Yatim dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Diterima untuk diperiksa oleh:

b.p. 
.....

Noorshah binti Mohd Salleh

Tarikh: 28/04/05
.....

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Bersyukur kehadiran Allah s.w.t atas rahmat dan izinNya serta selawat dan salam buat junjungan Rasulallah s.a.w kerana memberikan kekuatan dan kesabaran di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi penghargaan ditujukan khas kepada Puan Noorshah Mohd Salleh, selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan dan dorongan sepanjang penulisan latihan ilmiah ini.

Seterusnya sekalung penghargaan buat Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Father Barre, Puan Hjh. Ainon Md. Daris di atas kesudian memberi kebenaran menggunakan segala bentuk data dan maklumat. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Father Barre di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam proses pengumpulan data dan maklumat kajian ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua rakan-rakan seperjuangan program Pembangunan Sumber Manusia, terutamanya rakan-rakan rapat saya yang sama-sama mengharungi cabaran. Ucapan terima kasih kepada Noorshahrizad Hanim Azalli dan Awang Mantaha Awang Mostapha kerana sudi meluangkan masa untuk membantu menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa ditujukan kepada keluarga tercinta khasnya Ayahanda dan Bonda, Kakak, adik-adik dan semua keluarga. Segala doa pengorbanan, kasih sayang dan semangat yang diberikan semoga sentiasa dirahmati Allah s.w.t.

Buat semua yang menjayakan penulisan latihan ilmiah ini secara langsung dan tidak langsung, diucapkan sekali lagi terima kasih dan semoga sentiasa dirahmati Allah s.w.t.

“Indah Pada Hati, Endah Pada Budi”

**Suryati binti Mohd Yatim
Program Pembangunan Sumber Manusia,
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak.**

ISI KANDUNGAN

Tajuk :	Halaman
PENGHARGAAN	iii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBARAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
ABSTRAK	x
<i>ABSTRACT</i>	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
	1.3.1 Objektif Umum	6
	1.3.2 Objektif Khusus	6
1.4	Kerangka Konseptual	7
1.5	Hipotesis Kajian	9
1.6	Definisi Istilah	10
	1.6.1 Ciri Personaliti	10
	1.6.2 Perlakuan	11
	1.6.3 Ciri Agresif	11
	1.6.4 Ciri Analitikal	12
	1.6.5 Ciri Autonomi	12
	1.6.6 Ciri Ekstrovet	13
	1.6.7 Ciri Ketahanan	13
	1.6.8 Ciri Mengawal	14
	1.6.9 Ciri Menolong	14
	1.6.10 Ciri Struktur	15
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Limitasi Kajian	17
1.9	Latar Belakang Sekolah	17

BAB 2 ULASAN PENULISAN LEPAS

2.1	Pengenalan	19
2.2	Definisi dan Konsep Personaliti	20

2.3	Kajian-kajian Personaliti	21
2.4	Teori Personaliti	21
2.5	Teori Dimensi <i>Big Five</i>	23
2.6	Inventori Personaliti Sidek (1998)	25
2.7	Personaliti Dragon	28
2.8	Teori Perlakuan	30

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	35
3.2	Lokasi Kajian	35
3.3	Persampelan Kajian	36
3.4	Teknik Pengumpulan Maklumat dan Data	36
	3.4.1 Data Primer	36
	3.4.2 Data Sekunder	37
3.5	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	37
3.6	Pengukuran Pembolehubah	39
	3.6.1 Pembolehubah Bebas	40
	3.6.2 Pembolehubah Bersandar	41
3.7	Penganalisan Data	42
	3.7.1 Bahagian A	43
	3.7.2 Bahagian B	43
	3.7.3 Bahagian C	44
	3.7.4 Pengujian Hipotesis	44
3.8	Kesimpulan	46

BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	47
4.2	Maklumbalas Soalselidik Kajian	47
4.3	Latar Belakang Responden	48
	4.3.1 Jantina	48
	4.3.2 Umur	49
4.4	Skor Pembolehubah Kajian	50
	4.4.1 Pembolehubah Bebas (ciri-ciri personaliti)	50
	4.4.1.1 Ciri Personaliti Agresif	50
	4.4.1.2 Ciri Personaliti Analitikal	51
	4.4.1.3 Ciri Personaliti Autonomi	52
	4.4.1.4 Ciri Personaliti Ekstrovet	53
	4.4.1.5 Ciri Personaliti Ketahanan	55
	4.4.1.6 Ciri Personaliti Mengawal	56
	4.4.1.7 Ciri Personaliti Menolong	57

4.4.1.8 Ciri Personaliti Struktur	58
4.4.2 Pembolehkan Bersandar (Perlakuan di tempat kerja)	59
4.5 Pengujian dan Ulasan Hipotesis	60
4.5.1 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Pertama	61
4.5.2 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Kedua	62
4.5.3 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Ketiga	64
4.5.4 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Keempat	65
4.5.5 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Kelima	66
4.5.6 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Keenam	68
4.5.7 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Ketujuh	70
4.5.8 Pengujian dan Ulasan Hipotesis Kelapan	71
4.5.9 Ringkasan Hipotesis Kajian	73
4.6 Kesimpulan	75

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	76
5.2 Objektif Dan Hasil Kajian	77
5.2.1 Objektif Khusus Pertama	77
5.2.2 Objektif Khusus Kedua	78
5.2.3 Objektif Khusus Ketiga	79
5.2.4 Objektif Khusus Keempat	79
5.2.5 Objektif Khusus Kelima	80
5.2.6 Objektif Khusus Keenam	81
5.2.7 Objektif Khusus Ketujuh	82
5.2.8 Objektif Khusus Kelapan	82
5.3 Masalah Kajian	83
5.4 Implikasi Kajian Terhadap Praktis	84
5.5 Cadangan Kepada Sekolah Kajian	85
5.6 Cadangan Kajian Akan Datang	86

BIBLIOGRAFI	88
--------------------	-----------

Jadual :**Halaman**

3.1	Keputusan Ujian Cronbach alpha Terhadap Instrumen Kajian	36
3.2	Ukuran Ciri Personaliti	40
3.3	Ukuran Pelakuan di Tempat Kerja	41
4.1	Bilangan dan Peratusan Responden dari Segi Umur dan Jantina	45
4.2	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Agresif	47
4.3	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Analitikal	47
4.4	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Autonomi	49
4.5	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Ekstrovet	50
4.6	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Ketahanan	51
4.7	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Mengawal	52
4.8	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Menolong	53
4.9	Skor Markah dan Bilangan Responden Mengikut Jantina Bagi Ciri Personaliti Struktur	54
4.10	Nilai Min Skor Perlakuan di tempat kerja mengikut jantina	55
4.11	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Agresif	57
4.12	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Analitikal	58
4.13	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Autonomi	60
4.14	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Ekstrovet	61
4.15	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Ketahanan	62
4.16	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Mengawal	64
4.17	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Menolong	65
4.18	Nilai Korelasi dan Nilai Signifikan Ciri Personaliti Struktur	67
4.19	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	69

Gambarajah :

Halaman

3.1 Rangka Konseptual Kajian

35

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran :


Halaman

Lampiran 1

a

Lampiran 2

i



ABSTRACT

THE CORRELATION BETWEEN PERSONALITY TRAIT AND BEHAVIOR AT THE WORKPLACE AMONG TEACHERS : CASE STUDY IN NATIONAL SECONDARY SCHOOL AT SUNGAI PETANI.

Suryati binti Mohd Yatim

The research was carried out to study the correlation between personality trait and behavior at the workplace among teachers in Convent Father Barre National Secondary School. The objective of this research was to identify the personality trait such as aggressive, analytical, autonomy, extrovert, self-resilience, control, helpfulness, and structure toward the behavior at the workplace. There were 37 respondents consisted of teachers in Convent Father Barre National Secondary School representing all teachers in Sungai Petani. The set of questionnaires (Ujian Personaliti Sidek (1998)) are constituted of 8 personality inventories being studies and the factor of behavior at the workplace was used to test the formulated hypothesis. A descriptive statistical method comprising of all total score analysis, percentage, frequency and mean was used to provide the summary for overall set of data. The inferential statistical method using "The Pearson Correlation" analysis was used to test the 8 hypothesis being formulated. The research findings revealed that; a) there was no significant correlation between aggressive personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.202$). b) there was a significant correlation between analytical personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.340$). c) there was no significant correlation between autonomy personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.240$). d) there was no significant correlation between extrovert personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.031$). e) there was a significant correlation between self-resilience personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.531$). f) there was no significant correlation between control personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.190$). g) there was no significant correlation between helpfulness personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.111$). h) there was a significant correlation between structure personality and behavior at the workplace among teachers ($r = 0.692$). This research had also indicated that the behavior at the workplace of the respondents were medium. Based on the research findings, several suggestions were put toward for further improvement in the behavior at the workplace among teachers in Convent Father Barre National Secondary School.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Penilaian terhadap guru yang baik adalah bermula dengan ciri personaliti mereka dan ianya menyusul kepada perlakuan para guru di tempat kerja atau sekolah. Terdapat beberapa ciri personaliti yang dikenalpasti sesuai terhadap para guru untuk dipraktikkan di tempat kerja iaitu semasa menjalankan tugas-tugas mengajar. Penekanan ini harus dibuat oleh setiap sekolah bagi mencapai visi dan misi sekolah dan mencapai kecemerlangan secara keseluruhan terhadap pelajar-pelajar.

Sesetengah pengkaji berpendapat bahawa dalam pengambilan guru-guru, calon-calon harus menjalani ujian personaliti terlebih dahulu sebelum dipilih menjadi

guru (Channel News Asia, 2004) . Dapat dikaitkan bahawa para guru adalah watak yang utama di dalam organisasi berbentuk pendidikan iaitu sekolah di samping memberikan pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar-pelajar. Guru-guru haruslah menyesuaikan diri dengan ciri personaliti yang sesuai dipraktikkan semasa menjalankan tugas-tugas mengajar. Lantas dengan itu, tahap perlakuan guru di tempat kerja akan menjadi lebih baik dan matlamat untuk membina karier sebagai seorang guru yang berjaya akan tercapai.

Perlakuan guru-guru akan muncul dengan pelbagai rupa dan ianya tidak konsisten serta tidak logik. Namun begitu, seseorang guru mempunyai keselarian dan logik ke atas perlakuan jika mereka berpegang pada etika sebagai seorang guru (Jung, 1923). Perlakuan guru-guru adalah penting bagi membentuk suasana sekolah yang baik. Ini adalah kerana guru akan memberikan contoh kepada pelajar-pelajarnya dalam membentuk peribadi yang baik.

Penekanan wajar diberikan terhadap perhubungan pelajar dengan guru. Oleh itu, semasa latihan mengajar juga bakal guru harus didedahkan dengan ciri-ciri personaliti yang sesuai dalam meneruskan karier mereka. Ini adalah kerana perhubungan antara pelajar dengan guru akan memberikan impak yang besar terhadap pembelajaran pelajar dan tahap perlakuan guru itu sendiri. Ciri-ciri personaliti ini juga penting bagi para guru untuk mengekalkan kewibawaan mereka sebagai guru di sekolah.

2 Kenyataan Masalah

Guru atau pendidik dalam sesebuah institusi atau organisasi berbentuk pendidikan iaitu sekolah berperanan sebagai pengajar dan penunjuk teladan kepada pelajar-pelajarnya. Guru yang menunjukkan sikap dan tanggungjawab yang baik akan dihormati oleh pelajar dan sebaliknya. Sikap dan tanggungjawab ini akan mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran di kelas. Situasi seperti ini sering berlaku dalam setiap organisasi berbentuk pendidikan, sama ada organisasi kerajaan atau swasta yang berorientasikan pengeluaran atau perkhidmatan.

Guru atau pendidik adalah pihak yang bertanggungjawab dalam proses input dan pelajar adalah output kepada organisasi berbentuk pendidikan ini. Di dalam proses input, guru bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan mereka untuk mengeluarkan produk yang baik iaitu pelajar yang cemerlang. Pendek kata guru adalah tulang belakang kepada organisasi berbentuk pendidikan iaitu sekolah.

Tugas guru adalah untuk mengajar dan memberikan teladan yang baik kepada pelajar di samping menimbulkan rasa minat untuk belajar. Rahimah (1992) dalam artikelnya menegaskan bahawa keberkesanan guru perlu dilihat bukan sahaja dari segi keupayaannya menyampaikan pengajaran-pengajaran di bilik darjah dengan erti kata berjaya atau meliputi semua yang digariskan dalam sukatan pelajaran tetapi juga keupayaannya membimbing pelajar menguasai pelajaran itu, membangkitkan minatnya

untuk mempelajari lebih dari yang disenaraikan dan memulakan proses penimbaan ilmu dalam bidang-bidang tersebut.

Dalam organisasi yang berorientasikan perkhidmatan dan pendidikan sering kali terdapat pelbagai aduan dan rungutan dilemparkan oleh pelajar-pelajar dan waris-waris pelajar terhadap kurang keberkesanan dalam tugas yang dijalankan oleh para guru dan sememangnya kenyataan ini benar dan tidak dapat dinafikan (Channel News Asia, 2004).

Lantaran dengan itu, terdapat beberapa kes yang melibatkan kes-kes penderaan murid-murid dan pelajar-pelajar akibat daripada perlakuan dan ciri personaliti atau peribadi guru yang kurang sesuai seperti pmarah, tidak dapat menerima pendapat pelajar dan sebagainya.

Proses pengambilan guru biasanya ditekankan kepada kelayakan akedemik dan kemahiran berkomunikasi. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendidikan Malaysia tertinggal satu lagi aspek penting yang perlu ditekankan iaitu ciri personaliti dan perlakuan bakal guru tersebut.

Menurut Peter (1998), aspek-aspek seperti ciri-ciri personaliti dan perlakuan juga amat penting dan harus dijadikan satu elemen dalam pengambilan guru. Ini adalah kerana aspek ini mampu memberikan impak yang besar terhadap kegagalan

guru. Oleh itu, beberapa perubahan terhadap kaedah pengambilan guru harus dirombak dan digubal kembali.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu objektif umum dan objektif khusus :

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini adalah untuk menentukan perkaitan di antara ciri-ciri personaliti dengan pelakuan guru di tempat kerja.

1.3.2 Objektif Khusus

Terdapat lapan objektif khusus dalam kajian ini iaitu :

1. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Ekstrovet dengan pelakuan guru di tempat kerja.
2. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Ketahanan dengan pelakuan guru di tempat kerja.

3. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Mengawal dengan pelakuan guru di tempat kerja.
4. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Menolong dengan pelakuan guru di tempat kerja.
5. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Agresif dengan pelakuan guru di tempat kerja.
6. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Autonomi dengan pelakuan guru di tempat kerja.
7. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Analitikal dengan pelakuan guru di tempat kerja.
8. Mengenalpasti perkaitan di antara ciri personaliti Struktur dengan pelakuan guru di tempat kerja.


Rangka Konseptual

Rangka konseptual direka berdasarkan kepada hipotesis dan objektif kajian. Ia menunjukkan perkaitan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar

bagi kajian ini. Rangka konseptual ini menjadi asas kepada keseluruhan kepada kajian ini. Rangka konseptual dalam kajian ini menunjukkan perkaitan antara ciri-ciri personaliti dengan pelakuan guru di tempat kerja seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah 3.1 berikut:

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bersandar



Gambarajah 3.1 : Rangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini terdapat lima hipotesis, iaitu :

- H₀₁ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Ekstrovet dengan pelakuan guru di tempat kerja.
- H₀₂ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Ketahanan dengan pelakuan guru di tempat kerja.
- H₀₃ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Mengawal dengan pelakuan guru di tempat kerja.
- H₀₄ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Menolong dengan pelakuan guru di tempat kerja.
- H₀₅ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Agresif dengan pelakuan guru di tempat kerja.
- H₀₆ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Autonomi dengan pelakuan guru di tempat kerja.

H₀₇: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Analitikal dengan pelakuan guru di tempat kerja.

H₀₈: Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara ciri Struktur dengan pelakuan guru di tempat kerja.

5 Definisi Istilah

Setiap istilah dalam kajian ini akan memperjelaskan dalam definisi konseptual.

5.1 Ciri personaliti

Konseptual: Menurut Beach (1980), personaliti merupakan jumlah gabungan kriteria fizikal, mental, emosi dan sosial seseorang. Manakala Phares (1989) menyatakan bahawa personaliti merupakan corak sifat-sifat atau ciri-ciri pertimbangan, perasaan dan tingkah laku yang membezakan seseorang dengan orang lain yang tidak berganjak berdasarkan masa dan situasi.

Operasional: Merujuk kepada ciri-ciri personaliti yang dipilih dalam kajian ini iaitu ciri personaliti ekstrovet, ketahanan, mengawal, menolong, agresif, autonomi, analitikal dan struktur yang dipetik daripada Inventori Personaliti Sidek (1998).

1.5.2 Perlakuan

Konseptual : Perbuatan atau reaksi ke atas sesuatu akibat daripada sebab spesifik (Douglas A. Benton, 1978). Salah satunya ialah etika yang dipegang.

Operasional : Merujuk kepada Pelakuan seseorang pekerja dalam melaksanakan tugasnya yang diukur dengan menggunakan instrumen kajian terdiri daripada 15 soalan yang berkaitan dengan Etika yang dipegang ketika melakukan kerjanya. Soal selidik ini berbentuk *self-administered report*.

1.5.3 Ciri Personaliti Agresif

Konseptual : Sifat tingkah laku yang ganas, liar dan galak. Merujuk kepada seseorang yang aktif dalam melakukan sesuatu aktiviti atau menunjukkan perasaannya dengan cara yang ganas (Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, 1996)

Operasional : Merujuk kepada skor yang diperolehi oleh responden melalui instrumen kajian berdasarkan Inventori Personaliti Sidek (1998) yang menggambarkan individu yang terlalu kritikal terhadap orang lain, tegas, berani dan tidak suka dimanipulasi.

5.4 Ciri Personaliti Analitikal

Konseptual : Sifat tingkahlaku yang suka mengulas dan membuat huraian dalam sesuatu perkara. Merujuk kepada seorang yang suka membuat pemeriksaan atau penyelidikan sebelum membuat keputusan (Kamus Besar Bahasa Melayu, 1996).

Operasional : Merujuk kepada skor yang diperolehi oleh responden melalui instrumen kajian berdasarkan Inventori Personaliti Sidek (1998) yang menggambarkan individu yang sangat sensitif kepada persekitaran, suka membuat pemerhatian dan akan menganalisis sesuatu perkara sebelum membuat sesuatu keputusan.

5.5 Ciri Personaliti Autonomi

Konseptual : Sifat tingkah laku yang suka kepada pemerintahan sendiri. Merujuk kepada seseorang yang swatantra dalam melakukan aktiviti atau hal sendiri (Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, 1996).

Operasional : Merujuk kepada skor yang diperolehi oleh responden melalui instrumen kajian berdasarkan Inventori Personaliti Sidek (1998) yang menggambarkan individu yang lebih sukakan

kebebasan dalam tindakannya dan dapat mengawal dan menentukan aktiviti-aktiviti hariannya.

5.6 Ciri Personaliti Ekstrovet

Konseptual : Merujuk kepada ciri individu yang meminati dunia luar dan bersifat lebih sosial, peramah, suka meletakkan diri dalam masyarakat sekeliling, suka berinteraksi dan mengelakkan diri daripada bersendirian (Mischel, 1993; Phares, 1991; Ryckman, 1993; Liebert & Spiegler, 1990).

Operasional : Merujuk kepada skor yang diperolehi oleh responden melalui instrumen kajian berdasarkan Inventori Personaliti Sidek (1998) yang menggambarkan seseorang yang bersosial dan ramah, suka berinteraksi dan dikelilingi orang ramai dan merasa tidak selesa duduk bersendirian.

5.7 Ciri Personaliti Ketahanan

Konseptual : Merujuk kepada keadaan atau perihal sesuatu yang tahan dan sifat yang tabah dan kental. Merujuk kepada bagaimana seseorang berupaya bertindak mengatasi masalah yang berlaku disekelilingnya semasa bertugas (Kamus Dewan, 1984).